

## **REALITI KELUARGA POLIGAMI: KOMUNIKASI NAFKAH MENURUT PERSPEKTIF MAZHAB SYAFI'I**

**Siti Zubaidah Bt Ramli**

**Hana Duerama**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Farrah Wahida Bt Mustafar**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Perkahwinan poligami dalam masyarakat Islam di Malaysia sering mendapat perhatian dan boleh menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat. Masyarakat boleh berpandangan positif dan sebaliknya dalam mengamalkan poligami ini sekiranya memahami konsep poligami yang sebenar melalui komunikasi yang baik dalam keluarga. Kajian ini ditumpu khusus kepada cara nafkah dalam keluarga poligami dikomunikasikan dengan berkesan menurut perspektif dalam mazhab Syafi'i. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Temu bual mendalam dilakukan terhadap 10 orang wanita berumur antara 20 hingga 45 tahun yang menjadi isteri pertama, kedua dan ketiga yang dipilih menggunakan kaedah bola salji. Hasil kajian mendapati corak nafkah dalam keluarga poligami terbentuk kepada beberapa corak kedudukan kewangan keluarga iaitu nafkah dibantu oleh suami, nafkah keluarga dari pendapatan isteri sahaja dan nafkah keluarga dari kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri. Walau bagaimanapun, kurangnya komunikasi berkaitan hak dan nafkah tersebut antara suami isteri boleh menjelaskan hubungan perkahwinan ini dan secara tidak langsung memberi kesan yang tidak baik dalam institusi kekeluargaan. Secara kesimpulannya, terdapat suami yang berpoligami namun tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan baik kerana tidak memberikan nafkah dan tidak berkomunikasi dengan baik dengan ahli keluarga selari dengan tuntutan syarak khususnya dalam mazhab Syafi'i.

**Kata Kunci:** Nafkah, Komunikasi, Poligami, Mazhab Syafi'i

### **POLIGAMI FAMILY REALITY: NAFKAH COMMUNICATION FROM MAZHAB SYAFI'I PERSPECTIVE**

### **ABSTRACT**

Malaysia polygamous marriages in Muslim societies often obtain attention and various reactions from the community. Communities can be positive with the practices of polygamy if they understand the concept of polygamy with good communication in the family. This study focuses on way of communication the

maintenance of living in polygamous family according to the perspective of the Shafii sect. For this study, the qualitative approach was used to explore the polygamous marriages in Malaysia. In-depth interviews were conducted on 10 women between the ages of 20 and 45 years old who became the first, second and third wife selected by using snowball sampling. The study found that the income pattern in polygamy family was formed to some of the family's financially which is maintenance living assisted by the husband, the maintenance of the family from the income of the wife and the maintenance of the family from both that is husband and wife. However, the lack of communication regarding the rights and maintenance living between spouses can affect the marriage relationship and indirectly affect the institution's cooperative. In conclusion, there is a husband who is polygamous but does not carry out his responsibilities because they do not provide a living and do not communicate well with family members in line with the demands of Islam, especially in the Shafii sect.

**Keywords:** Maintenance, Communication, Polygamy, Shafi'i School

## PENDAHULUAN

Islam mengharuskan poligami bagi kemaslahatan umat Islam dalam membina sebuah institusi kekeluargaan yang bahagia. Namun kajian telah mendapati timbulnya pelbagai masalah yang berlaku setelah poligami diamalkan. Pada tahun 2000 kajian yang dijalankan oleh Zaleha Muahamat (2002) di Pulau Pinang, Perlis dan Kedah mendapati lebih 60 peratus isteri dan anak hidup terseksa dan tidak harmoni selepas suami atau bapa mereka berkahwin lagi. Hasil kajian menunjukkan 80 peratus aduan dari isteri-isteri yang berpoligami menyatakan mereka dianaya tentang nafkah zahir serta suami yang mempunyai tabiat buruk seperti suka memukul isteri, berjudi dan kaki perempuan dan tidak bertanggungjawab terhadap pendidikan dan bimbingan isteri. Secara keseluruhan, kajian mendapati perkahwinan poligami yang bermasalah adalah berpunca daripada sikap suami yang tidak bertanggungjawab. Kajian dalam bidang psikologi sosial pula menunjukkan poligami membawa pengaruh yang negatif terhadap isteri dan anak khususnya dalam aspek kesihatan mental, pencapaian prestasi di sekolah, perlindungan, status sosioekonomi dan hubungan antara bapa dan anak (Alean Al-Krenawi & Vered Slonim-Nevo, 2008). Malah menurut Rusina Siron, kebanyakan wanita yang berpoligami mengalami tekanan emosi yang hebat, kemurungan kronik, merasa rendah diri kerana memikirkan pandangan masyarakat terhadap mereka (Fadzlena Jaafar, 2007).

Kecaman-kecaman terhadap amalan poligami berpunca daripada beberapa faktor yang saling berkait antara satu sama lain. Antara faktor utama perkara ini timbul ialah kerana kelakuan atau sikap lelaki yang berpoligami tidak bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan kepadanya, seperti tanggungjawab terhadap nafkah isteri, tempat tinggal, pakaian, giliran antara isteri dan lain-lain lagi termasuklah keperluan yang sepatutnya diberi kepada anak-anak mereka. Tanggungjawab yang menjurus kepada nafkah ini sering

menjadi isu permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Faktor nafkah gagal dilaksanakan adalah kerana ia tidak dikomunikasikan dengan baik sehingga ia dianggapkan terabai oleh beberapa pihak. Justeru, kajian ini bertumpu kepada bagaimana corak nafkah dan komunikasi nafkah dalam keluarga berpoligami menurut pengalaman isteri. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan tentang corak nafkah yang terdapat dalam keluarga poligami dan cara nafkah disampaikan kepada ahli keluarga.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kualitatif di mana data dikumpul dan dianalisis secara deskriptif. Data tersebut diinterpretasi untuk menjelaskan fenomena yang berlaku pada hari ini terhadap keluarga poligami dan pelaksanaan komunikasi nafkah di dalam keluarga tersebut. Justeru itu, kaedah yang digunakan sebagai teknik pengumpulan data adalah temu bual mendalam menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur supaya informan diberi kelonggaran untuk mengemukakan jawapan (Sidek Mohd Noah, 2011).

Proses mendapatkan informan menggunakan pensampelan rantaian (*chain referral*) atau sesetengah pengkaji mengistilahkannya sebagai pensampelan secara tidak sengaja atau bola salji (Sabitha Marican, 2006). Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan informan iaitu informan diperkenalkan oleh seorang rakan yang kemudian memperkenalkan kepada informan yang lain bersesuaian dengan skop kajian. Dengan demikian, pengkaji telah mendapatkan sebanyak sepuluh orang informan yang terdiri dari isteri pertama, kedua dan ketiga yang berusia 20 hingga 45 tahun yang tinggal di Selangor.

Dalam proses menganalisa data dan maklumat yang diperolehi, pengkaji telah menganalisis data dalam bentuk deskriptif dan diinterpretasi secara kritis kesemua data yang dikumpulkan berdasarkan temu bual mendalam yang dijalankan. Hasil daripada interpretasi data telah menemukan beberapa tema bagi memahami pandangan komunikasi nafkah dalam keluarga poligami .

## POLIGAMI DALAM ISLAM

Poligami terdiri dari perkataan ‘poli’ yang bermaksud banyak dan perkataan ‘gami’ erti isteri. Poligami secara keseluruhan memberi makna beristeri banyak. Menurut H. Mahjuddin dalam *Masailul Fiqhiyah* (2003), poligami atau lebih dikenali dalam penulisan fiqh sebagai *ta'addud al-zaujat* adalah salah satu dari amalan kebiasaan Arab Jahiliyah sebelum kedatangan Islam. Abdul Rahman (2003) mengatakan masyarakat ini membenarkan bentuk poligami tanpa batasan dan syarat-syarat tertentu. Manakala secara terminologinya menurut Kamus Istilah Fiqih (M Abdul Mujieb, Tholhah & Syafi'ah Am Mabruri 1994) poligami adalah perkahwinan seorang lelaki dengan lebih dari seorang isteri dalam satu masa. Islam mengharuskan berpoligami dengan tidak melebihi empat orang isteri dengan syarat berlaku adil kepada mereka.

Poligami dikenali sebagai bentuk perkahwinan yang membenarkan seorang suami atau isteri berkahwin lebih daripada satu orang pada sesuatu

ketika. Walau bagaimanapun, poligami yang sering berlaku ialah apabila si suami mempunyai lebih daripada seorang isteri. Umumnya inilah fahaman masyarakat tentang konsep tersebut. Dalam bidang antropologi, konsep yang paling tepat untuk menghuraikan seorang lelaki yang mempunyai lebih daripada seorang isteri ialah poligini. Konsep bagi perempuan yang mempunyai lebih daripada seorang suami pula ialah poliandri (Ensiklopedia Malaysiana, 1995). Walau bagaimanapun Islam melarang sama sekali poliandri (Zakir Abdul Karim Naik, 2004).

Dengan kata lain, poligami dalam Islam boleh didefinisikan dengan ikatan perkahwinan yang salah satu pihak iaitu seorang lelaki memiliki atau mengahwini beberapa lawan jenisnya dalam waktu yang sama tetapi dibatasi paling banyak empat orang.

## HUKUM POLIGAMI DALAM ISLAM

Dalam Islam, poligami hukumnya adalah harus (Abul Khairi Al-Latifi, 2000). Keharusan berpoligami ini adalah berdasarkan pada firman Allah s.w.t yang bermaksud, “Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan dapat berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu), maka (berkahwinlah dengan) seorang saja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.” (An-Nisa’ : 3)

Dengan turunnya ayat dari surah An-Nisa ini maka Al-Quran dengan jelas telah meletakkan peraturan untuk berpoligami. Poligami tidak lagi dibenarkan secara sewenang-wenangnya tanpa batasan dan syarat-syarat tertentu iaitu dengan berkahwin seberapa ramai isteri yang dikehendaki sama ada untuk tujuan ekonomi mahupun politik sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat Arab Jahiliyah. Namun Al-Quran tidak mengharamkan amalan berkahwin lebih dari seorang isteri kerana poligami mempunyai kebaikan dan kemaslahatan dalam masyarakat terutamanya dalam menyelesaikan beberapa perkara, antaranya membela nasib wanita, mengelakkan berlaku perzinaan dan sebagainya.

Berdasarkan ayat ini, keadilan yang disyaratkan ialah keadilan yang berbentuk lahiriah seperti tempat tinggal, makanan, giliran dan sebagainya kerana keadilan ini mampu dilaksanakan oleh manusia (Abd al-Karim Zaydan, 1994). Walaupun poligami diharuskan tetapi ia tertakluk kepada dua syarat penting iaitu sanggup berlaku adil dan mampu memberi nafkah kepada isteri, anak-anak dan keluarga yang di bawah tanggungan mereka. Perkahwinan monogami pun tidak digalakkan sekiranya seseorang tidak mampu menanggung nafkah, maka lebih-lebih lagi untuk yang berpoligami (Yusuf al-Qardawi, 1997).

Dalam Islam, poligami ini bukan wajib dan bukan sunnah, tetapi Islam membolehkannya dipraktikkan oleh orang lelaki dengan tujuan untuk menjaga terjadinya perzinaan (al Shabuniy, 1999). Menurut Ibnu Mas’ud dan Zainal Abidin (2000), seseorang hanya diberi hak menikahi seorang isteri sahaja,

sekiranya isteri tidak mampu untuk melayani suami sepenuhnya kerana lemah dan sebagainya, suami diberi kesempatan untuk beristeri lebih dari seorang. Poligami dibolehkan selama tidak dikhuatirkan terjadinya penganiayaan terhadap para isteri. Seandainya tidak yakin tentang perkara tersebut, dianjurkan kaum lelaki tidak melaksanakan perkahwinan poligami kerana dibimbangi berlakunya ketidakadilan dan penganiayaan terhadap isteri-isterinya.

## **SYARAT-SYARAT POLIGAMI**

Sheikh Muhammad Abdurrahman mengatakan poligami boleh dipraktikkan seandainya seseorang lelaki itu berkemampuan dari segi pemberian nafkah dan mampu berlaku adil kepada isteri-isterinya (Afif Ab. Fattah Tabbarah, 1978). Keadilan yang diwajibkan dalam amalan poligami merujuk kepada keadilan dalam pemberian nafkah dan giliran bermalam dengan isteri-isteri. Nafkah di sini bermaksud keperluan yang mencukupi buat para isteri dalam aspek pakaian, makanan dan tempat tinggal sesuai dengan kemampuannya. Perlu juga difahami bahawa adil bukanlah bererti sama rata dari segi kuantiti, sebaliknya memberikan hak bersesuaian dengan keadaan para isteri masing-masing (Zaleha Muhamat, 2002) Contohnya, isteri pertama dengan tiga orang anak dan isteri kedua dengan seorang anak, kadar nafkah mereka adalah tidak sama secara kuantiti. Walaubagaimanapun, suami diharuskan untuk menyamakan nafkah mereka secara kuantiti sekiranya dia berkemampuan. Seorang lelaki yang ingin berpoligami juga harus yakin pada dirinya sendiri bahawa dia boleh berlaku adil dengan para isterinya dalam masalah hak-hak isteri yang mencakupi aspek material dan fizikal seperti makan minum, tempat tinggal, giliran bermalam, pergaulan, nafkah dan sebagainya. Maka sesiapa yang tidak yakin terhadap diri sendiri atau kemampuannya untuk memenuhi hak-hak tersebut dengan adil, maka ditegah baginya untuk berpoligami. Masalah ini berpandukan kepada ayat "Jika kamu takut berlaku tidak adil, cukuplah dengan satu isteri."

Walaupun poligami harus hukumnya tetapi Islam meletakkan syarat-syarat yang ketat bagi seseorang yang ingin berpoligami. Ia bertujuan memelihara kepentingan mereka yang berada di bawah tanggungan lelaki tersebut iaitu isteri-isteri dan anak-anaknya di samping menjaga keamanan dan kebahagiaan rumah tangga yang berterusan. Di antara syarat-syarat berpoligami adalah:

### **Keadilan membahagikan nafkah**

Pentafsiran keadilan berdasarkan ayat 3 dan ayat 129 dari surah An-Nisa sering menimbulkan pelbagai pemahaman kerana satu ayat menegaskan keadilan dan satu lagi mengatakan manusia tidak akan boleh berlaku adil. Apabila dilihat maknanya secara mendalam, kedua-dua ayat tersebut tidaklah bertentangan kerana adil dituntut dalam hal berpoligami secara zahir yang dapat dilakukan oleh manusia bukan termasuk masalah adil dalam hal cinta dan kasih sayang yang berkait dengan soal hati dan perasaan yang berada di luar kemampuan seorang manusia (Dedi Junaedi, 2000).

Manakala ayat 129 pula ditujukan kepada masalah cinta dan kasih sayang. Quraish Shihab (1996) juga menyebutkan bahawa keadilan yang dimaksudkan adalah keadilan hati (cinta). Maka orang yang berpoligami dilarang menurut suasana hatinya dan berlebihan dalam kecenderungan kepada isteri yang dicintainya. Dalam masalah kasih sayang, suami yang berpoligami pastinya tidak dapat memberikannya secara adil seperti mana yang termaktub dalam Al-Quran yang bermaksud, “Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian, kerana itu janganlah kamu terlalu cenderung (kepada yang kamu cintai) sehingga kamu biarkan yang lain seperti benda yang tergantung (diawang-awangan). Dan jika kamu mengadakan perbaikan dan memelihara diri (dari kecurangan), maka sesungguhnya Allah maha Pengampun lagi Maha Penyayang”, (surah An-Nisa ayat 129).

Justeru Nabi Muhammad sendiri selalu berdoa sewaktu bersama isteri baginda. Doa itu adalah “Ya Allah inilah penggiliranku (pembahagianku) sesuai dengan kemampuanku, maka janganlah Engkau mencelaku terhadap apa-apa yang engkau miliki dan yang tidak aku miliki.”

Allah Ta’ala mengharuskan berpoligami dengan membataskan sehingga empat orang dan mewajibkan berlaku adil kepada mereka dalam urusan makan, tempat tinggal, pakaian dan kediaman atau segala yang bersifat kebendaan tanpa membezakan-bezakan antara satu sama lain. Bila suami khuatir berbuat zalim dan tidak dapat memenuhi hak-hak mereka semua, maka diharamkan baginya berpoligami. Bagi yang sanggup memenuhi segala keperluan buat tiga orang isteri sahaja, maka haramlah baginya berkahwin dengan empat orang perempuan. Jika dia hanya sanggup memenuhi hak dua orang isteri, maka haram pula baginya kahwin dengan tiga perempuan (Sayid Sabiq, 1980).

Jumhur fuqaha` mengatakan bahwa apa yang dikatakan berkemampuan menanggung nafkah adalah berkemampuan menanggung makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi para isteri. Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda “Wahai golongan pemuda, barang siapa yang mampu menyediakan mas kahwin, maka hendaklah ia berkahwin. Kerana sesungguhnya ia lebih menjaga mata dan lebih menjaga kemaluan. Barangsiapa yang tidak mampu, maka wajib baginya berpuasa, maka sesungguhnya ia menjadi perisai baginya”(al-Bukhari, 1987).

Ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. memberi galakkan kepada setiap pemuda untuk berkahwin dengan syarat sanggup memberikan nafkah kepada isteri. Pemuda yang tidak berupaya memenuhi syarat tersebut tidak digalakkan untuk berkahwin, walaupun anggota seksualnya segar dan subur, sebaliknya digalakkan bagi mereka ini berpuasa. Hadis tersebut bukan sahaja merujuk kepada lelaki yang mempunyai seorang isteri saja, tetapi pengertiannya turut melibatkan mereka yang mempunyai ramai isteri. Secara jelasnya dinyatakan di sini bahawa kewajipan memberi nafkah kepada seorang isteri menyamai kewajipan memberi nafkah kepada isteri-isteri yang lain.

Imam Malik dan Abu Hanifah berpendapat kadar nafkah itu tidak ditentukan secara khusus oleh syara’, tetapi berdasarkan keadaan tempat, waktu dan keadaan setiap pasangan. Hal ini kerana fuqaha’ berpandangan bahawa pemberian pakaian itu tidak ada batasnya, sedangkan pemberian makanan itu

pula ada batasnya (Ibn Rusyd, 2002). Oleh itu, kadar pemberian nafkah itu tidak ditentukan secara khusus tetapi ia bergantung pada situasi atau taraf hidup setempat.

Menurut Sayyid Quthub (1983), keadilan dalam kondisi ini adalah keadilan dalam memberi nafkah, menjaga dan memelihara, keadilan dalam memenuhi keperluan isteri iaitu keperluan kewangan, biologi dan psikologi. Oleh kerana soal hati dan perasaan tidak wujud dalam bentuk zahiriah, keadilannya tidak berada dalam batas kesanggupan manusia. Perkara yang dituntut dalam hal ini adalah jangan menunjukkan kecenderungan berat sebelah kepada salah seorang isteri sehingga yang lain terabai.

### **Keadilan Membahagikan Waktu**

Pada asalnya hukum bermalam di antara isteri adalah sunat. Suami yang berpoligami disunatkan membahagikan giliran malam bersama isteri mereka. Ini bermakna suami tidak diwajibkan bermalam dengan mereka kerana bermalam adalah haknya. Namun, jika dia bermalam dengan salah seorang daripada isterinya menggunakan undian dan selainnya, dia juga mesti bermalam di rumah isteri-isterinya yang lain. Ketika itu bermalam menjadi wajib bagi melaksanakan keadilan terhadap mereka (Mustofa Al-Khin, 2002).

Suami yang telah memiliki lebih daripada seorang isteri, maka dia wajib membuat giliran bermalam di antara isteri-isterinya. Pembahagian giliran malam dengan isteri-isteri tidak sama halnya dengan pembahagian nafkah. Pembahagian nafkah adalah mengikut keadaan diri isteri dan anak-anak serta keperluan masing-masing. Tetapi pembahagian giliran bermalam hendaklah dibuat secara sama rata di kalangan semua isteri. Ini bermakna kalau suami bermalam bersama isteri pertama selama dua malam, maka begitulah dia perlu bermalam bersama isteri kedua, ketiga dan keempat selama dua malam juga setiap seorang. Sekiranya suami gagal berbuat demikian, maka dia telah melakukan kezaliman terhadap mana-mana isterinya yang tidak dapat giliran bermalam yang sepenuhnya daripada suami tersebut.

Antara perkara yang paling penting dalam perkahwinan poligami ini adalah aturan giliran yang adil. Suami wajib mengatur giliran dengan baik dan sebaiknya giliran tersebut mendapat persetujuan daripada semua isteri. Suami harus bermalam dengan isteri yang baru dikahwini untuk selama tujuh malam berturut-turut sekiranya perempuan tersebut anak dara. Sekiranya janda, suami dibolehkan bermalam dengan isteri barunya selama tiga malam sahaja. Ketetapan ini telah disebut oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud ‘Hak perempuan dari tujuh hari dan hak perempuan janda tiga hari, kemudian suami kembali kepada perempuan-perempuan yang lain (al-Syawkani, 1998)

Dalam hal ini, wajib diberikan secara sama rata kepada para isteri. Walaubagaimanapun, jika ada di antara isteri yang sedang menghadapi masalah seperti sakit atau di dalam keadaan tekanan yang menyebabkannya tidak mampu menjalankan tanggungjawabnya, maka giliran bermalam itu boleh diberikan kepada isterinya yang lain, dengan syarat mendapat keizinan atau keredhaan isteri yang lain (Ariij Binti Abdurrahman As-Sanan, 2006). Paling penting,

giliran bermalam tersebut bukanlah bermaksud untuk melakukan persetubuhan semata-mata, sebaliknya adalah untuk meneman dan berkasih sayang di antara suami isteri. Maka, seorang suami tetap dianggap telah menunaikan tanggungjawabnya dalam hal giliran bermalam walaupun tidak terjadinya hubungan intim.

Jumhur fuqaha’ berpandangan bahawa di antara hak-hak isteri ialah memperolehi layanan yang adil daripada suami dalam pembahagian waktu berdasarkan hadis “Dari Aisyah, ia berkata : Adalah Rasulullah s.a.w. menggilir di antara isteri-isterinya, dan beliau telah bertindak adil. Kemudian beliau berdoa, Ya Allah! Inilah yang dapat aku kerjakan, menurut apa yang aku mampu. Dan janganlah Engkau mencelaku terhadap apa yang Engkau mampu sedangkan aku tidak mampu” (al-Syawkani, 1998). Doa ini menunjukkan kemampuan Rasulullah untuk bersikap adil di dalam kecenderungan hati kepada salah seorang isteri baginda. Maka Rasulullah sendiri selaku hamba dan tidak mempunyai dosa mengaku tidak dapat berlaku adil khususnya dalam soal hati apatah lagi umatnya yang tidak setanding dengan Rasulullah (Abdullah Shonhaji, 1992). Hadis ini menunjukkan kewajipan melakukan pembahagian kepada para isteri, dan makruh bersikap berat sebelah iaitu dalam urusan pergaulan yang bererti mengurangi haknya, tetapi tidak dilarang untuk lebih mencintai yang satu dari lainnya.

Sehubungan dengan keadilan inilah, turunnya firman Allah yang bermaksud “Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awang); dan jika kamu perbaiki (keadaan yang pincang itu) dan memelihara diri (daripada perbuatan zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.(An-Nisa : 129).

Jika suami mengadakan perjalanan hendaklah ia mengajak salah seorang daripada isterinya untuk menemaninya, dan adalah baik sekali bila dilakukanya dengan undian. Ini berdasarkan hadis berikut “Dari Aisyah, bahwasanya Rasulullah s.a.w. apabila hendak berpergian, beliau mengundi di antara isteri-isterinya” (al-Syawkani, 1998). Hadis ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah melakukan undian di antara isteri-isteri baginda ketika hendak bermusafir. Menurut Sayyid Sabiq, kebanyakan ulama’ sepakat bahawa isteri yang ikut serta meneman suaminya bermusafir maka hari-hari yang dilalui itu akan diganti kepada isteri-isteri yang lain seperti giliran hari biasanya. Namun, terdapat juga ulama’ yang berpendapat bahwa hari-hari yang dipergunakan untuk bermusafir tersebut perlu dijumlahkan dan diganti dengan hari-hari lain sehingga tempoh masa gilirannya habis. Kemudian masa giliran ini diberikan pula kepada isterinya yang lain sehingga jumlah harinya sama banyak. Pendapat yang pertama adalah lebih baik, kerana ia telah menjadi ijma’ sebahagian besar ulama’ dan bagi seorang isteri walaupun telah meneman suaminya bermusafir dalam tempoh hari yang lama tetapi penderitaan dan kesusahan semasa perjalanan juga adalah susah (Sayyid Sabiq, 1980).

## Tidak Merosakkan Isteri Pertama Dan Anak-Anaknya

Setiap orang yang ingin beristeri banyak dan mempunyai kesanggupan untuk mengeluarkan nafkah dan melakukan keadilan, mesti berkeyakinan mengikut perhitungan yang jujur bahawa perkahwinan yang kedua tidak merosakkan isteri pertama dan anak-anaknya. Perhitungan tersebut dianggap perlu memandangkan salah satu daripada dasar-dasar hukum dalam ilmu fiqh ialah *mura'atul-maslahah*, ertinya menjaga kepentingan. Sekiranya difikirkan bahawa kepentingan isteri pertama dan anak-anak tidak dapat dijaga maka hukumnya haram bagi seorang suami untuk berpoligami. (Zaleha Muhamat, 2002). Justeru suami disuruh berpoligami dengan memilih wanita yang memahami masalah suami dan berkemampuan membahagiakan suami dan isteri yang sedia ada.

Tujuannya ialah untuk menolong dan memuliakan golongan wanita yang disifatkan oleh Allah sebagai *al-Jinsul-latif*, ertinya jenis yang lembut, agar jiwa dan perasaannya tidak tersiksa, anak-anaknya tidak terbiar dan tidak liar dalam menghadapi pertumbuhan jasmaniah (Dusuki Bin Haji Ahmad 1978). Jika seorang suami itu tidak dapat berlaku adil dalam hal tersebut, maka dia dianggap zalim terhadap keluarganya sendiri dan dia adalah tidak mampu untuk berpoligami.

## NAFKAH POLIGAMI MENURUT MAZHAB SYAFI'I

Kunci hubungan keluarga yang harmoni adalah bermula dari pergaulan baik suami terhadap isteri dan komunikasi yang berkesan apatah lagi dalam keluarga poligami. Komunikasi yang baik antara satu sama lain perlu kepada keterbukaan dalam memberi dan menerima pendapat masing-masing. Justeru kesabaran dari pihak suami sangat diperlukan dalam melayani kehendak dan keperluan isteri-isteri. Perkara itu juga difahami dengan jelas tanpa ada perselisihan faham atau prasangka yang buruk terhadap antara satu sama lain. Komunikasi yang baik dapat melahirkan isteri-isteri yang memahami keadaan suami dan keinginannya, hormat menghormati antara satu sama lain dan bertolak ansur di dalam perhubungan rumah tangga. Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa ayat 19 yang bermaksud : "...Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik, kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)." Rasulullah s.a.w sendiri menjadikan ukuran kebaikan seseorang itu apabila dia dapat bersikap baik terhadap isterinya. Dari Abu Hurairah r.a berkata, sabda Rasulullah saw: "Mukmin yang paling sempurna imannya adalah sebaik-baik budi pekertinya dan yang sebaik-baiknya budi pekerti adalah yang baik terhadap isterinya."

Menurut *al-Syarbini* (1994), komunikasi bermula dengan cara undian suami ke atas isteri-isterinya dan haram bagi suami berpoligami memulakan bermalam dengan mana-mana isterinya tanpa undian yang adil antara isteri-isterinya. Jika antara isteri gilirannya pada siang hari secara berterusan, maka suami tidak perlu memberi giliran bermalam ini kerana bermalam merujuk

kepada waktu malam. Dan kiraan bermalam jika suami berkerja di siang hari, jika suami berkerja pada waktu malam maka gilirannya bermula pad siang hari. Hal ini suami harus menjelaskan kepada isteri-isterinya waktu pekerjaannya untuk mengelak dari syak wasangka terhadap suami (*Mughni Al-Muhtaj*, 1994) *Al-Baghawai* berkata sekiranya seorang suami mempunyai lebih daripada seorang isteri maka wajib memberi adil di antara mereka walaupun ada di antara isterinya daripada ahli kitab. Seperti mana yang dijelaskan dalam Kitab *Al-Muhazab* karangan Abi Ishak Al-Shirazi, jika salah seorang isteri dalam kesulitan pada hari bukan gilirannya maka suami harus meminta izin pada isteri yang berhak pada hari tersebut dengan kadar keperluan sahaja dan tidak boleh berlanjut. Suami wajib menggantikan hari yang tidak dipenuhinya itu.

Dalam *bab qasam bayna al-nisaa*, suami wajib menyediakan rumah kepada isteri-isterinya dan haram ke atas suami menghimpunkan isteri-isterinya dalam satu rumah tanpa persetujuan isteri kerana ia menimbulkan pergaduhan di antara mereka dan menimbulkan rasa iri hati apabila melihat kemesraan suaminya dengan isteri lain (Mustofa al Bugha, 1992). Menurut *al-Kasani* (1992) sekiranya suami tidak mampu menyediakan rumah berasingan maka cukuplah satu bilik berasingan dari rumah tersebut dan pintu masuk rumah berasingan supaya isteri yang lain tidak dapat diintip gerak geri madunya dan menjaga keperibadian isteri kerana dikhawatiri kerosakan barangannya dan hilang kemesraan suami isteri. Ibn Abidin mentafsirkan kediaman yang perlu ada di dalam sebuah rumah perlu ada sekurang-kurangnya satu bilik, dapur dan bilik air yang tidak dikongsikan dengan isteri-isterinya yang lain. Rasulullah s.a.w menyediakan satu bilik kepada setiap isterinya dan bilik tersebut mempunyai dapur, manakala bilik air dibina di luar rumah.

Syarak mewajibkan suami memberi nafkah dan pakaian secara baik. Kadar nafkah dan pakaian itu bergantung dengan kadar kemampuan sikit, sedehana ataupun banyak dan mampu memberi nafkah atau tidak. Situasi ini memerlukan komunikasi yang baik dalam keluarga poligami kerana bilangan keluarga yang besar memerlukan kadar nafkah yang tinggi. Bagi suami yang berkemampuan untuk membeli hadiah, makanan-makanan yang enak kepada keluarga maka ia bergantung kepada kemahuan suami sekiranya keperluan sudah mencukupi. Jumhur ulamak bersepakat bahawa nafkah pakaian sekurang-kurangnya dua kali setahun, iaitu satu baju musim panas dan satu lagi baju pada musim sejuk, dan selebihnya ikut kemampuan dan kemahuan suami. Syarak tidak menggalakkan suami memberi pakaian kepada isteri-isterinya yang sama warna dan bentuknya. Hadis Mu’awiyah bin Haidah meriwayatkan, seorang lelaki bertanya kepada Nabi s.a.w : apakah hak wanita atas suaminya? Nabi s.a.w berkata: berikanlah makanan yang kamu makan, dan pakaian baru bila kamu berpakaian baru, dan jangan memukul mukanya, dan menghinanya, dan bergaduh kecuali dalam rumah (Imam Ahmad, 4/447).

Menurut *Al-Khattabi* (2001) hadis ini menunjukkan bahawa nafkah dan pakaian adalah wajib, dan ia tidak ada kadar tertentu tetapi pemberian mestilah secara baik mengikut kadar kemampuan dan kemahuan suami. Situasi suami tidak bermalam dan mengabaikan nafkah serta pakaian isterinya boleh dijadikan

sebagai hutang sehingga suami mampu melangsankannya semua hak-hak isteri dan anak-anak.

## CORAK NAFKAH DAN REALITI KOMUNIKASI NAFKAH DALAM KELUARGA POLIGAMI

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia telah memperkenalkan Program 'Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang pada 31 Julai 2002. Terdapat sepuluh prinsip utamakan keluarga yang diantaranya adalah komunikasi efektif iaitu berinteraksi dan berkomunikasi dengan aktif dan efektif sesama ahli dalam keluarga bagi mengekalkan keluarga bahagia. Dalam keluarga poligami, komunikasi antara suami dengan isteri-isteri sangat penting bagi kelangsungan keluarga yang harmoni. Komunikasi nafkah dalam keluarga poligami sangat memberi kesan yang mendalam kepada isteri terutama dalam urusan nafkah. Perbincangan komunikasi nafkah dalam kajian ini terbahagi kepada penggiliran hari dan perbelanjaan rumah tangga berdasarkan pendapatan suami dan isteri.

Penggiliran hari iaitu ketentuan hari mengikut giliran isteri-isteri tertentu dilakukan dalam bentuk komunikasi iaitu perbincangan dalam keluarga. Kebanyakan isteri tidak mempunyai masalah komunikasi dengan suami malah setiap hari mereka kerap berhubung walaupun bukan giliran hari di rumahnya. Sebelum berpoligami, mereka sudah berbincang terlebih dahulu. Mereka berpendapat tiada masalah dalam pembahagian masa kerana suami membuat perbincangan mengenai cara membahagikan masa, sentiasa berlaku adil dan layanan yang saksama. Sekiranya berlaku perselisihan faham, informan akan meminta maaf dan bersalaman dengan suami. Malah terdapat informan yang akan memberi pinjam wang kepada suami apabila suami kesempitan wang. Dalam hal ini dapat difahami bahawa berlaku komunikasi nafkah dalam keluarga.

Hasil dari temubual menunjukkan semua suami informan memenuhi nafkah penggiliran hari dan dikatakan suami berusaha untuk menuruti peraturan yang telah mereka sepakati. Semua informan mengatakan suami ada kalanya tidak dapat memenuhi penggiliran hari yang telah ditetapkan namun tidak memberi kesan yang negatif atau timbul masalah bagi informan dalam hal tersebut malah dikatakan penggiliran hari yang dilakukan bukan pada hari gilirannya dianggap sebagai hadiah kepada 'madu'. 'Madu' adalah istilah yang digunakan sebagai pengenalan kepada isteri-isteri yang berpoligami (sama ada isteri pertama, kedua, ketiga atau keempat dengan suami yang sama) seringkali digunakan dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Penggiliran hari juga dikatakan sebagai hadiah kepada 'madu' sebagai sambutan hari-hari istimewa seperti hari lahir, hari ulangtahun perkahwinan dan sebagainya. Menurut pengkaji, hal ini adalah suatu sokongan emosi dengan berfikiran positif supaya informan tidak merasa kecewa dengan sikap suami. Suami dianggap sebagai seseorang yang perlu ditaati tanpa perlu dipertikaikan apa yang dilakukan mereka.

Manakala berdasarkan hasil kajian terhadap perbelanjaan rumahtangga berdasarkan pendapatan suami dan isteri dalam keluarga poligami dapat dibahagikan kepada tiga pola iaitu nafkah dibantu suami, nafkah keluarga dari pendapatan sendiri dan nafkah dari pendapatan sendiri dan dibantu suami. Kebanyakan informan bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri justeru pengurusan rumahtangga juga diuruskan sendiri oleh isteri tanpa merasa ingin menyusahkan suami. Nafkah isteri dan anak merupakan kewajipan dan tanggungjawab suami namun dalam kajian ini mendapati suami menganggap pendapatan isteri sudah mencukupi untuk urusan rumahtangga dan anak-anak. Malah isteri mempunyai pendapatan sendiri juga dijadikan sebagai alasan untuk seseorang itu berpoligami. Justeru itu, masing-masing menganggap suami mampu untuk berpoligami kerana tiada masalah kewangan. Pengkaji berpendapat cara seorang lelaki dan perempuan berkahwin poligami melalui cara ini adalah tidak wajar. Pendapatan isteri tidak dikira sebagai pengukuh kepada pendapatan suami bagi menanggung keseluruhan ahli keluarga. Bagi yang mempunyai masalah kewangan, terdapat isteri yang merasa tidak mahu menyusahkan suami sehingga mereka menggunakan alasan keagamaan seperti redha dan bersyukur sebagai motivasi dan kekuatan mental bagi meneruskan kehidupan. Menurut Azizi Yahaya (2009), sumber kewangan merupakan satu aspek penting bagi membina dan mengekalkan hubungan yang positif dalam pembangunan keluarga.

Selain itu, seorang isteri yang mempunyai kerjaya dan pendapatan tidak seharusnya secara total bertanggungjawab menguruskan ekonomi dan pengurusan rumahtangga. Dalam rumahtangga yang bahagia, suami dan isteri mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing. Pengurusan rumahtangga secara total dilakukan oleh isteri adalah sangat tidak wajar memandangkan isteri juga bekerja. Akan tetapi, kesemua informan tidak mengungkapkan rasa tidak berpuas hati terhadap suami. Informan mengatakan bahawa mereka memahami keadaan suami malah mereka merasa ketiadaan suami tidak mengganggu emosi mereka dan anak-anak. Namun terdapat informan yang mengatakan suami tidak pernah mengabaikan keluarga dari aspek ekonomi dan sering meluangkan waktu bersama-sama. Seorang lelaki itu perlu benar-benar merasa mampu untuk berlaku adil terhadap wanita yang dinikahinya dan anak-anak. Adil ini merujuk kepada waktu yang akan diluangkan bersama-sama keluarga sebagai sokongan emosi dan sosial. Dengan demikian, hasil kajian mendapati bahawa terdapat keluarga yang komunikasikan soal status kewangan dan perbelanjaan keluarga dan ada yang tidak komunikasikan. Keluarga poligami yang komunikasikan nafkah keluarga melalui perbincangan dilihat wujud persefahaman manakala nafkah keluarga yang tidak dikomunikasikan wujud ketidakselesaan dan gangguan dari segi emosi kepada isteri. Namun, suami dan isteri membentuk komunikasi nafkah bukan lisan dalam beberapa aspek yang lain seperti meluangkan masa dalam soal penggiliran hari dan perbualan ringkas menyebabkan hubungan mereka masih berkekalan. Dalam hal ini dapat dilihat bahawa komunikasi sangat penting dalam sesbuah perhubungan kekeluargaan bagi menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan kepada ahlinya dalam mewujudkan kehidupan yang berkualiti.

## KESIMPULAN

Keadilan berpoligami dalam ayat 129 surah an-Nisa` jelas menunjukkan bahawa diwajibkan bagi seorang suami memelihara keadilan semaksimum mungkin di antara isteri-isterinya dan tidak mengabaikan nafkah mereka. Keadilan yang dimaksudkan dalam tafsiran ayat tersebut adalah disesuaikan dengan kemampuan suami khususnya dalam hal pembahagian giliran dan pemberian nafkah yang meliputi pembiayaan kehidupan, pakaian dan tempat tinggal. Malah syarak tidak menetapkan batas nafkah terhadap isteri dengan kadar tertentu tetapi wajib hukumnya dalam memenuhi keperluan yang sepatutnya bagi seorang isteri bersesuaian mengikut situasi dan keadaan kehidupan mereka. Kajian mendapati komunikasi yang terjalin di antara suami dengan para isteri melalui konsep persefahaman dan berfikir secara positif menunjukkan bahawa tidak timbul soal kekurangan nafkah bagi mereka yang mengamalkan keluarga poligami. Bahkan didapati kesemua informan melakukan komunikasi dalam soal nafkah. Namun terdapat juga suami yang tidak suka berkomunikasi secara lisan, tetapi melakukan komunikasi dalam bentuk layanan pemujukan bagi menyatakan perasaannya seperti memohon maaf dan terima kasih. Terdapat juga suami yang sering memuji isteri-isteri sewaktu menjamu selera dan dalam keadaan mereka berkumpul sesama ahli keluarga. Hal ini juga boleh dikatakan berlaku komunikasi nafkah dalam bentuk komunikasi bukan lisan. Komunikasi tidak semestinya dalam bentuk pengucapan semata-mata namun komunikasi bukan lisan dapat difahami dalam bentuk lirikan mata, sentuhan dan layanan sebagai simbol dan isyarat yang boleh difahami.

## BIBLIOGRAFI

- Abd al-Karim Zaydan. 1994. *Al-Mufasshal fi ahkam al Mar`ah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abdullah Shonhaji Dkk. 1992. *Tarjamahan Sunan Ibnu Majah*. Kuala Lumpur: CV. Darulfikir.
- Abdul Rahman. 2003. *Fiqh Munakahat*, Bogor: Kencana-Prenada Media.
- Abul Khairi Al-Latifi. 2000. *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam As-Syafi'e*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Afif Ab. Fattah Tabbarah. 1978. *Wanita Dan Keluarga Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Krenawi, A. & Slonim-Nevo, V. 2008. Psychosocial and familial functioning of children from polygynous and monogamous families. *Journal of Social Psychology* 148 (6): 745-764. <http://www-scopus-com>, [20 Mei 2009].
- Ariij Binti Abdurrahman As-Sanan. 2006. *Adil Terhadap Para Isteri (Etika Berpoligami)*. Jakarta: Darus Sunnah Press.
- Dedi Junaedi. 2000. *Bimbingan Perkahwinan*. Jakarta: Akademia Press.
- Dusuki Bin Haji Ahmad. 1978. *Poligami Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Fine Art Printing Works.
- Ensiklopedia Malaysiana. 1995. Jil. 10. Kuala Lumpur: Enzagain Sdn Bhd.
- Fadzlena Jaafar. 2007. Perkahwinan: Poligami Daripada Perspektif Wanita. *Utusan Malaysia*, 23 Ogos.

- H. Mahjuddin. 2003. *Masailul Fiqhiyyah*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Hanbal, Ahmad. 2001. *Masnad Imam Ahmad ibn Hanbal*. Syria : Dar al-Risalah.
- Hashim Fauzy Yaacob. 2001. *Komunikasi Antara Manusia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibnu Mas'ud & Zainal Abidin. 2000. *Fiqih Madzhab Syafi'i*. Bandung: Pustaka Setia.
- al-Kasani, Ahmad. 1992. *Bada'i` al Shunai` fi Tartib al-Syarai`*. Syria : Dar al Kutub al-Ilmiyyah.
- M Abdul Mujieb, Tholhah & Syafi'ah Am Mabruri. 1994. *Kamus Istilah Fiqih*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- M. Quraish Shihab. 1996. *Wawasan Al-Quran*. Bandung: Pustaka Al-Mizan,
- Muhammad bin Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari al-Ja'fiy. 1987. *Sahih al-Bukhari*. Beirut : Dar Ibn Kathir al Yamamah
- Muhammad Uklah. 1989. *Nizam al-Usrah fi al-Islam*. Amman : Maktabah al-Risalah al-Haditsah. Jil.1.
- Mustafa al-Bugha. 1992. *Al-Fiqh al Manhaji*. Syria : Dar al Qalam.
- Mustofa Al-Khin. 2002. *Kitab Fikah Mazhab Syafie, Terjemahan Al-Fiqhul Manhaji*. Jil. 4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Rusyd Ibnu. 2002. *Bidayatul Mujtahid*, Jilid 2. Jakarta : Pustaka Amani.
- Sabitha Marican. 2006. Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sayyid Quthub. 1983. *Islam Dan Perdamaian Dunia*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Sayyid Sabiq. 1980. *Fiqih Sunnah*. Jil. 6. Terj. Mahyuddin Syaf. Bandung : PT Alma'arif.
- Sidek Mohd Noah. 2011. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang:
- Universiti Putra Malaysia.
- Al-Shabuniy, Muhammad Ali. 1999. *Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*. Beirut : Dar al-Kitab Ilmiyah.
- al-Syarbini, Muhammad. 1994. *Mugni al Muhtaj ila ma'rifat al Ma'ani al-Minhaj*. Syria : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Syawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1998. *Nail al Autar*. Jil.6. Beirut : Dar al-Makrifah
- al-Syirazi, Fairuz Abadi. 1992. *Al-Muhazab fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Syria : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Zakir Abdul Karim Naik. 2004. *Islam menjawab gugatan*. Jakarta: Lintas Pustaka.
- Zaleha Muhamat. 2002. Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.